

Contoh Peraturan Tabung:**PERATURAN TABUNG****(NAMA TABUNG.....)****1. Nama Dan Alamat**

Tabung ini akan dikenali sebagai Tabung (NAMA PENUH TABUNG)
 (Tabung)

Alamat:

.....

2. Tujuan

Tujuan Tabung ini ditubuhkan ialah:-

(contoh objektif)

- (a) Memberi bantuan biasiswa atau bantuan kewangan kepada pelajar atau graduan yang kurang berkemampuan dan membantu golongan yang memerlukan untuk mengurangkan penderitaan dan kesusahan.

3. Pengurusan

- 3.1 Segala bentuk pengurusan dan pengawalan Tabung ini akan diamanahkan kepada sebuah Jawatankuasa Tabung yang terdiri daripada Pengerusi, Naib Pengerusi, Setiausaha, Penolong Setiausaha, Bendahari dan orang ahli Jawatankuasa.
- 3.2 Pengerusi Jawatankuasa Tabung akan mempengerusikan semua mesyuarat Jawatankuasa Tabung Dalam masa ketiadaan beliau tempatnya akan digantikan oleh Naib Pengerusi. Pengerusi Jawatankuasa Tabung ataupun Naib Pengerusi yang dilantik adalah berhak untuk mengundi, dan sekiranya terdapat jumlah undi yang sama adalah berhak untuk mengundi kali kedua ataupun undian pemutus.
- 3.3 Naib Pengerusi akan membantu Pengerusi dalam segala pengendalian yang diamanahkan kepada Jawatankuasa. Dalam masa ketiadaan Pengerusi, Naib Pengerusi akan mengambil tempatnya.
- 3.4 Setiausaha akan bertanggungjawab memanggil mesyuarat Jawatankuasa, menyediakan agenda, mencatat serta menyimpan minit-minit mesyuarat dan juga surat-menyurat.

- 3.5 Penolong Setiausaha hendaklah memangku jawatan Setiausaha sekiranya Setiausaha tiada dan menjalankan tugas Setiausaha sepenuhnya.
- 3.6 Bendahari adalah bertanggungjawab di atas segala perkara yang berkaitan dengan kewangan Tabung tersebut dan beliau adalah dikehendaki menyimpan kira-kira di dalam buku-buku yang sempurna. Beliau juga adalah bertanggungjawab bagi menyediakan laporan kira-kira tahunan untuk diaudit serta membentangkan kira-kira tersebut di dalam Mesyuarat Agung Tahunan.

4. Jawatankuasa

- 4.1 Jawatankuasa akan bermesyuarat pada bila-bila masa dan bila diarahkan oleh Pengerusi ataupun oleh Setiausaha dan sekurang-kurangnya lima orang ahli Jawatankuasa adalah diperlukan untuk membentuk korum.
- 4.2 Jawatankuasa akan memegang tugas sebaik sahaja dilantik sehingga Mesyuarat Agung Tahunan berikutnya kecuali ada mana-mana Ahli Jawatankuasa yang ingin meletak jawatan dalam masa-masa tersebut beliau hendak mengemukakan notis bertulis kepada Setiausaha akan keinginannya itu.
- 4.3 Jawatankuasa berhak memilih mana-mana ahli untuk mengisi mana-mana kekosongan yang berlaku disebabkan kematian ataupun perletakan jawatan.
- 4.4 Sebarang perantikan Ahli Jawatankuasa Tabung yang baru perlu mendapat kebenaran/kelulusan bertulis terlebih dahulu dari Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Malaysia

5. Kewangan

- 5.1 Semua wang yang terkumpul bagi Tabung tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam sebuah bank dan hendaklah diasingkan daripada akaun bank yang telah sedia ada dan dibuka atas nama Tabung Kebajikan dan Pendidikan
- 5.2 Bendahari akan bertanggungjawab memasukkan semua wang yang terkumpul bagi Tabung tersebut ke dalam akaun bank Tabung dan akan menandatangani bersama semua cek dengan Pengerusi atau Setiausaha.
- 5.3 Juruaudit yang bukan ahli kepada Jawatankuasa Tabung hendaklah mengaudit segala wang kira-kira bagi Tabung tersebut sebelum mesyuarat agung tahunan. Selain daripada beliau, seorang juruaudit luar yang berkecuali sebagai juruaudit awam hendaklah dilantik untuk mengaudit penyata kewangan Tabung itu.

- 5.4 Penyata Kewangan Persatuan hendaklah diaudit oleh juruaudit bertauliah dan sesalinan penyata tersebut hendaklah dikemukakan setiap tahun ke Jabatan Dasar Percukaian, Cyberjaya.
- 5.5 Sebarang pemilikan dan pelupusan aset atau harta perlu mendapat kebenaran bertulis Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Malaysia terlebih dahulu sebelum ianya dilaksanakan

6. Pindaan

Segala pindaan yang hendak dilakukan kepada Undang-Undang Kecil Tabung ini hendaklah terlebih dahulu mendapat persetujuan daripada Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia sebelum ianya dikuatkuasakan.

7. Pembubaran

- 7.1 Sekiranya Tabung dibubarkan, kesemua hutang dan tanggungan hendaklah dijelaskan. Baki aset dan wang jika ada hendaklah didermakan kepada Kerajaan / Kerajaan Negeri / Pihak Berkuasa Tempatan atau atau institusi / organisasi / tabung yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Malaysia.
- 7.2 Sekiranya Tabung berhasrat untuk dibubarkan, permohonan kelulusan hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Malaysia dalam tempoh 90 hari bekerja daripada tarikh resolusi ahli lembaga pengarah. Pembubaran tidak boleh dilaksanakan sebelum kelulusan bertulis daripada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Malaysia diperolehi. Tarikh penamatan kelulusan subseksyen 44(6) ACP akan diputuskan oleh KPHDN secara bertulis.

Diluluskan dalam mesyuarat pada tarikh :

Tandatangan:

.....

Nama :

Jawatan : **SETIAUSAHA**

Tandatangan:

.....

Nama :

Jawatan : **PENGERUSI**